

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 29 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Jualan & pameran sempena mesyuarat agung puspanita cawangan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI)	Sinar Harian
2	PJ Energy Services agen produk rawatan bio di Malaysia, Brunei	Utusan Malaysia
3	Puluhan ikan timbul di pantai	Sinar Harian
4	It's getting cold in Kuala Krai	The Malay Mail
5	Kastam sabah syor prosedur perkhidmatan kiriman cepat dikaji semula	Bernama.com

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (KUALA LANGAT/SEPANG) : MUKA SURAT 43  
TARIKH: 29 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

**DIARI**

**JUALAN & PAMERAN SEMPENA MESYUARAT AGUNG PUSPANITA  
CAWANGAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI)**

**Tarikh:** 30 Januari (Esok)

**Masa:** 10 pagi hingga 4 petang

**Tempat:** Pusat Angkasa Negara, Banting

**Aktiviti menarik:** Tayangan mini planetarium, demonstrasi kecantikan dan penjagaan kulit wajah, jualan produk kecantikan, jualan buku, pakaian dan lain-lain.

\* Orang ramai dijemput hadir

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BUSINES) : MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 29 JANUARI 2015 (KHAMIS)**

# PJ Energy Services agen produk rawatan bio di Malaysia, Brunei

**KUCHING 28 Jan.** - Syarikat minyak dan gas, PJ Energy Services (M) Sdn. Bhd., menjadi wakil pengedar tunggal produk rawatan bio iaitu KEEEN Bioremediation Agent keluaran Keen Pte. Ltd. (Keen), di Malaysia dan Brunei selepas memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat berkenaan baru-baru ini.

KEEN Bioremediation Agent telah memenangi beberapa anugerah emas bagi kategori ciptaan terbaik dalam bioteknologi daripada **Kementerian Sains dan Teknologi** serta Persatuan Harta Intelektual Jepun pada Ekspo ke-23 Pameran Teknologi, Inovasi dan Ciptaan Antarabangsa sebelum ini.

Produk rawatan pembersihan ini dicipta oleh Dr. Watson Ariya-

phuttarat dengan kerjasama Pusat Kejuruteraan Genetik Nasional dan Bioteknologi, Lembaga Pembangunan Sains dan Teknologi Nasional, Pembangunan Penyelidikan Bioteknologi serta Universiti Mahidol, Salaya, Thailand.

Setakat ini, produk terbabit sudah dipasarkan di 20 negara, manakala PJ Energy Services menjadi wakil pengedar tunggal di Malaysia dan Brunei selepas memeterai MoU dengan negara jiran itu pada 8 Januari lalu.

Menteri Pelancongan negeri, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg berkata, produk keluaran Keen amat sesuai digunakan untuk merawat sisa makanan dengan menukarannya kepada karbon dioksida.

"Produk rawatan bio ini juga

sesuai digunakan untuk membersih perkakasan berat seperti blok motor dan saluran ekzos serta tumpahan dan kebocoran pada pelapik konkrit, jalan raya, landasan dan mana-mana laluan kenderaan," katanya berucap dalam Majlis Pelancaran Produk Rawatan Bio Keen di sini hari ini.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Datuk Abang Wahap Abang Julaihi, Pengarah Urusan PJ Energy Services, Jamil Salleh dan Ariyaphuttarat.

Menurut Abang Johari, produk tersebut merupakan satu inovasi yang bermanfaat bukan sahaja kepada industri minyak dan gas tetapi juga boleh digunakan untuk premis perniagaan terutama berkaitan makanan.

# Puluhan ikan timbul di pantai

Penduduk, pemancing bimbang kejadian ada kaitan dengan tumpahan minyak seperti yang berlaku sebelum ini

**PULAU CAREY** - Insiden puluhan ikan mati di beberapa lokasi sungai di Ladang Timur Pulau Carey sejak Khamis lalu mewujudkan tanda tanya penduduk terutama pemancing.

Mereka bimbang melihat pelbagai spesies ikan seperti gelama, bawal dan senangin mati dalam jumlah yang banyak.

Seorang penduduk, M Munusamy berkata, dia dan beberapa rakanya terkejut dengan peristiwa itu kerana pernah berlaku pada penghujung 2013.

"Tapi ini kali pertama saya tengok banyak ikan yang mati di pantai sepanjang seminggu ini.

"Sebelum ini memang ada berlaku tetapi paling lame pun beberapa hari saja.

"Kami cuba cari puncanya tetapi tak berjaya. Kami takut kalau ikan mati di persisiran pantai ini disebabkan sisa toksik yang disalurkan kilang berhampiran sebab belum ini nelayan pernah mendakwa aktiviti tumpahan minyak pernah berlaku, tapi tak ada pula tanda pada badan ikan

diselaputi minyak," katanya.

Seorang lagi pemancing, Rusdi Hassan, 44, berkata, dia bimbang kerana kejadian itu menyebabkan rezekinya terjejas untuk beberapa hari.

"Saya dan nelayan lain susah nak tangkap ikan gelama sebab banyak ikan yang mati.

"Kalau nak ikutkan hati nak saja kutip ikan-ikan gelama yang mati itu, tapi takut pula ada racun," katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Nelayan Daerah Kuala Langat, Md Jaman Harris berkata, beliau masih belum menerima aduan daripada nelayan di kawasan berkenaan namun menyifatkan insiden ikan mati seumpama itu tidak teruk sehingga menjaskan nelayan.

"Kalau ia melibatkan jumlah yang besar sudah tentu nelayan nelayan di kawasan itu merungut dan memaklumkan kepada pihak kami.

"Namun sehingga hari ini saya tak terima mana-mana aduan, tapi saya berusaha

mencari maklumat untuk tidak mengelirukan pemancing atau nelayan," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, jika berlaku cuaca panas sekalipun hidupan laut seperti batu karang yang boleh terjejas mati dan tidak kesan kepada hidupan laut atau sungai seperti ikan.

"Bagaimanapun jika terdapat ikan mati di persisiran sungai berkenaan mungkin disebabkan keracunan yang berlaku di kawasan itu," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* pernah melaporkan insiden ikan mati di kawasan berkenaan selepas penduduk memaklumkan permukaan air sungai berminyak dan berwarna kehitaman dipercayai tercemar akibat sisa kimia yang dibuang oleh kilang berhampiran.

Bagaimanapun, selepas pihak bertanggungjawab turun ke lokasi tiada sebarang bukti menunjukkan terdapat sisa kumbahan kilang disalurkan ke sungai.



Munasamy menunjukkan ikan yang dijumpai mati.

KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 10  
TARIKH: 29 JANUARI 2015 (KHAMIS)

## It's getting cold in Kuala Krai

PETALING JAYA — Kuala Krai is experiencing a cold spell this month due to winds coming in from the Chinese mainland.

Temperatures can drop to 18-19 degrees Celcius and may be accompanied by fog, the Meteorological Department said yesterday.

National Weather Centre meteorological officer Hisham Anip said the cold spell and fog were the result of a natural phenomenon that occurred every year at about this time.

"Moisture from a layer 500ft above ground mixes with colder air on the ground.

"This results in water droplets that cause fog," said Hisham.

The phenomenon is often referred to as advection fog.

Last Saturday, temperature in the district reportedly dropped to 16 degrees Celcius.

While there were claims of the same temperature at 6am yesterday, this was denied by the department, which said it was 21 degrees Celcius.

Hisham said temperatures would usually drop after midnight and before sunrise.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 29 JANUARI 2015 (KHAMIS)**



## **Kastam Sabah Syor Prosedur Perkhidmatan Kiriman Cepat Dikaji Semula**

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah mengesyorkan agar prosedur sistem dan pengurusan perkhidmatan kiriman cepat di negara ini dikaji semula.

Pengaruhnya, Datuk Dr Janathan Kandok berkata syor itu dibuat susulan wujudnya penyalahgunaan perkhidmatan itu dengan beberapa aktiviti penghantaran dadah bernilai jutaan ringgit dikesan di negeri ini.

Katanya, perbincangan lanjut akan diadakan berhubung perkara itu bersama bahagian perkastaman di ibu pejabat dan pejabat negeri.

"Langkah memantapkan peraturan sedia ada pada sistem penghantaran segera tersebut wajar bagi mengelakkan penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Prosedur perkhidmatan kiriman cepat ini adalah longgar yang mana setiap barang dibawah nilai RM500 itu tidak perlu diisyiharkan, namun kesan daripada kelonggaran ini, kesempatan diambil untuk menyeludup masuk dadah ke negeri ini" katanya kepada pemberita dalam sidang media di sini, hari ini.

Janathan berkata, beberapa kes rampasan dadah yang dikesan itu, telah menggunakan perkhidmatan penghantaran segera yang sama.

Dalam perkembangan berkaitan, menurut Janathan pihaknya merampas dadah jenis methamphetamine dan Eramin 5 bernilai RM1.72 juta pada tiga tarikh berasingan yang dikesan menerusi mesin pengimbas di balai ketibaan Lapangan Terbang Sandakan, baru-baru ini.

"Laporan pemeriksaan **Jabatan Kimia Malaysia** mendapati kes pertama dan kedua itu disahkan adalah dadah jenis methamphetamine seberat 47,215.5 gram (47.2 kg) bernilai RM1.71 juta yang dimasukkan ke dalam beberapa kotak makanan bijirin Koko Krunch serta kotak herba sarang burung manakala kes ketiga disahkan pil dadah jenis Eramin 5 seberat 190gram (600 biji) yang bernilai RM12,000," katanya.

Beliau berkata kesemua dadah itu dipercayai dihantar dari Semenanjung Malaysia melalui Sandakan sebelum ke Lahad Datu menggunakan ejen perkhidmatan penghantaran segera.

"Akibat tidak ada tuntutan terhadap kotak tersebut di lapangan terbang, hasil siasatan awal mendapati nama dan alamat pengirim serta penerima kotak-kotak tersebut tidak wujud sekali gus membawa kepada rampasan kotak-kotak tersebut," katanya.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman mandatori gantung sampai mati, katanya.